

19/06/2002

Kajian guna bahasa Inggeris hampir siap

Syuhada Choo Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kajian pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris yang dijalankan jawatankuasa profesional Kementerian Pendidikan kini hampir siap dan akan dikemukakan kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, dalam waktu terdekat ini.

Ketua Pengarah Pendidikan yang juga Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata laporan kajian yang mengambil kira pandangan serta maklum balas daripada pelbagai pihak itu, antara lain mengandungi cadangan pelaksanaan mengikut acuan sendiri mencakupi aspek latihan guru, penjadualan waktu, peperiksaan serta penyediaan bahan diperlukan, untuk pertimbangan kerajaan.

Dalam kajian itu katanya, jawatankuasa berkenaan mengadakan perjumpaan serta perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk guru, tenaga profesional, pegawai akademik universiti dan pelaksana, untuk mendapatkan input dari pelbagai aspek berkaitan.

Selain itu, beliau berkata, hasil laporan jawatankuasa berkenaan juga akan mengambil kira pandangan disuarakan oleh perwakilan yang membahaskan usul pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno, yang bermula hari ini.

"Secara umum, Kementerian Pendidikan positif terhadap cadangan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, dan sedang melihat bagaimana untuk melaksanakannya serentak di semua peringkat.

"Penerimaan daripada pihak guru juga positif dan yakin mereka boleh melakukannya. Kementerian Pendidikan akan mengadakan latihan kepada guru secara intensif dan untuk jangka panjang," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan dan menyampaikan ucap utama dalam Konvensyen Pusat Kegiatan Guru Ke-5 bertema 'Ke Arah Pemantapan Pusat Kegiatan Guru Alaf Baru'. Hadir sama Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan, Dr Nor Hayati Abd Rasid.

Laporan muka depan akhbar ini hari ini memetik Musa sebagai berkata, sebuah jawatankuasa profesional Kementerian Pendidikan sedang mengkaji cadangan pelaksanaan Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Musa berkata, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, adalah antara beberapa pilihan yang difikirkan kerana pilihan melalui projek perintis bermula tahun satu akan memakan masa lama.

Abdul Rafie berkata, pelbagai pihak berkaitan akan menggembleng tenaga ke arah pelaksanaan cadangan pengajaran dan pembelajaran itu, termasuk pusat sumber pendidikan negeri dan pusat kegiatan guru untuk menyediakan bahan membantu proses pengajaran dan pembelajaran, di samping kerjasama daripada pihak Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).

Seterusnya, beliau menyeru kepada masyarakat, terutama warga pendidik, supaya bersikap positif dan tidak menolak usaha pembaharuan yang boleh memberi manfaat, tambahan pula ini bukanlah perubahan kali pertama dalam bidang pendidikan negara.

Ditanya mengenai kebimbangan kebanyakan pihak bahawa pelaksanaan itu akan memberikan kesan negatif terhadap pelajar di luar bandar yang masih lemah bahasa Inggeris pula, beliau berkata, aspek berkenaan akan diteliti dan guru sedia membantu mereka.

Dalam konteks berkaitan, Abdul Rafie berkata, penguasaan bahasa Inggeris juga akan diberi penekanan dalam latihan keguruan untuk program

pengkhususan Sains dan Matematik.

"Prinsip pendidikan guru memang memberi penekanan terhadap kepentingan menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris," katanya.

(END)